

**MAJLIS MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-22 GABUNGAN PERTUBUHAN CINA
MALAYSIA (HUAZONG)
21/02/2014**

SUNWAY RESORT HOTEL, PETALING JAYA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Pheng Yin Huah, Presiden Hua Zong YB Dato Seri Abdul Wahid Omar Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Liow Tiong Lai Presiden MCA Tuan Yang Terutama En Huang Hui Kang Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia YBhg Tan Sri Koo Yuen Kim Pengerusi Pengelola Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-22 Hua Zong YBhg. Datuk Cheng Lai Hock Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis 1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg Tan Sri Pheng Yin Huah dan seluruh Ahli Jawatankuasa Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong) atas jemputan kepada saya untuk hadir ke majlis yang begitu bermakna dan meriah pada malam ini. 2. Kita baru sahaja menyambut Tahun Baru Cina dan saya kira masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada saudara dan saudara sekalian. Dalam kalendar lunar, tahun ini adalah tahun Kuda. Saya difahamkan tahun kuda dan naga merupakan dua tahun yang amat dinanti-nantikan oleh masyarakat Tionghua. Bahkan terdapat beberapa pepatah yang sering dikaitkan dengan perayaan Tahun Naga dan Kuda seperti Long Ma Jin Shen bermaksud sangat bertenaga dan bersemangat dan Ma Dao Gong Cheng bermaksud nescaya menempah kejayaan. 3. Sempena Tahun Kuda yang disambut oleh masyarakat Tionghua dengan penuh kemeriahan, saya berharap negara kita juga akan menempa lebih banyak kejayaan pada tahun ini. Lebih-lebih lagi dengan ekonomi negara kita dijangka tumbuh pada kadar 5.4 peratus pada tahun ini, saya percaya rakyat di negara kita akan dapat menikmati banyak faedah daripada limpahan kegiatan ekonomi dalam pelbagai sektor. 4. Berdasarkan beberapa petunjuk ekonomi yang positif, saya yakin ekonomi Malaysia akan bertambah kukuh. Eksport negara kita pada bulan Disember 2013 meningkat sebanyak 14.4% berbanding tahun

sebelumnya. Negara kita juga mencatat lebih dagangan sebanyak RM9.5 bilion pada bulan Disember 2013, manakala kedudukan defisit fiskal adalah terkawal pada kadar 3.9%. Dengan pelbagai langkah pemulihan fiskal yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada waktu ini, saya yakin sasaran pengurangan defisit fiskal kepada 3.5% pada tahun ini akan dapat dicapai. 5. Kita bersyukur kerana pembangunan ekonomi negara kita kini semakin rancak dan Malaysia berada pada landasan yang betul untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Namun begitu, usaha untuk memajukan negara tidak boleh bergantung kepada inisiatif sektor awam semata-mata. Sebaliknya, kerjasama dan sokongan sektor swasta dan korporat, khususnya masyarakat perniagaan dan perindustrian Tionghua akan dapat memperkasakan lagi rentak pembangunan yang sedia ada. 6. Saya yakin masyarakat perniagaan dan perindustrian Tionghua yang sejak sekian lama memainkan peranan penting dalam memacu ekonomi negara kita akan terus menyumbang kepada kemajuan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Penglibatan anda dalam pelbagai sektor ekonomi seperti pembuatan, perkhidmatan, pembinaan serta industri kecil dan sederhana akan terus menjadi enjin pertumbuhan ekonomi Malaysia. Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian, 7. Dalam usaha kita untuk memajukan negara, jangan sekali-kali kita lupa kepada aspek perpaduan. Sebagai sebuah negara bangsa yang masih muda, Malaysia amat bergantung kepada perpaduan rakyat untuk mencipta kemajuan yang lebih gemilang pada masa hadapan. Malah, kerana wujudnya perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama, kita berjaya mencipta pelbagai kejayaan sejak merdeka hingga ke hari ini. Tanpa perpaduan, rakyat di negara kita tidak mungkin dapat hidup dalam suasana yang harmoni, apatah lagi untuk bergiat dalam pelbagai sektor ekonomi. Oleh sebab itu, kita mestilah sentiasa memelihara dan memperkukuhkan lagi perpaduan yang kita nikmati selama ini. 8. Di pihak kerajaan, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk memperkukuhkan perpaduan khususnya menerusi sistem pendidikan negara. Oleh sebab itu, di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang telah saya lancarkan, kerajaan memberikan tumpuan khusus kepada usaha memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum di negara kita. Antara langkah yang diambil ialah meneruskan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) di samping meningkatkan penguasaan Bahasa Kebangsaan sebagai alat perpaduan. Bagi murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina khususnya, penguasaan Bahasa

Kebangsaan akan ditingkatkan menerusi pembelajaran yang lebih mudah dan menyeronokkan. Saya berharap, hasrat murni kerajaan untuk memperkukuhkan perpaduan dan meningkatkan kualiti pendidikan negara menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dapat diterima dengan baik dan disokong oleh seluruh masyarakat Tionghua di negara kita. Yakinlah bahawa PPPM adalah pelan pendidikan terbaik yang dihasilkan oleh kerajaan setelah mengambilkira pandangan pelbagai lapisan masyarakat. Saudara da saudari yang saya hormati sekalian, 9. Saya telah banyak kali bertemu dengan rombongan Hua Zong yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Pheng Yin Huah. Dalam pertemuan-pertemuan ini, kami berbincang dari hati ke hati mengenai pelbagai perkara penting terutamanya yang menyentuh isu pendidikan masyarakat Tionghua di Malaysia. Saya secara peribadi amat menghargai pendekatan Hua Zong yang lebih terbuka dan rasional dalam memilih jalan perbincangan untuk menyelesaikan beberapa isu pendidikan di negara kita. 10. Dalam penilaian saya, Hua Zong mempunyai pendirian yang sederhana dan rasional dalam menangani pelbagai isu semasa. Dengan pendirian ini, pelbagai isu yang agak rumit telah dapat diselesaikan dengan baik menerusi meja rundingan yang berlangsung dalam semangat pemuafakatan, persaudaraan dan perpaduan yang jitu. Sesungguhnya, untuk membolehkan negara kita mengharungi cabaran-cabaran masa kini dan masa hadapan, kita amat memerlukan suara-suara kesederhanaan dan rasional dalam kalangan rakyat untuk mengelakkan perselisihan serta menggerakkan persefahaman ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu. 11. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Hua Zong kerana sudi menjemput saya hadir ke majlis yang gilang gemilang pada malam ini. Saya percaya dengan sokongan saudara dan saudari sekalian, Hua Zong akan terus bergerak maju demi menunaikan impian dan aspirasi ahli-ahlinya. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-22 Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong).